

13/09/1997

Jual Mercedes-Benz beli Proton

HH

BERJIMAT-cermat. Itulah langkah yang diarahkan Kabinet kepada semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Mulai sekarang, sekurang-kurangnya. Dua peratus perbelanjaan bagi semua kementerian bermula dengan Jabatan Perdana Menteri akan dipotong.

Berdasarkan arahan itu, mulai sekarang kakitangan kerajaan di semua peringkat tidak boleh berbelanja ikut suka hati tetapi secara berhati-hati. Arahan Kabinet itu juga meliputi Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan kakitangan kanan. Kini penggunaan kereta rasmi baru untuk mereka bukan lagi kereta import. Mereka sekarang mesti guna kereta nasional atau kereta tempatan yang harganya jauh lebih rendah berbanding Mercedes-Benz dan Volvo.

Bagaimanapun kita tidak pasti sama ada arahan yang sama juga akan meliputi pemimpin peringkat negeri. Sebab Exco negeri pun diberikan kereta mewah. Kita tunggu Menteri Besar mana yang akan turut serta membuat arahan seperti itu.

Ketika kami berbual-bual, anak buah Ketam Batu ada bertanya apakah ini hanya untuk mereka yang bakal dilantik pada masa depan. Jika tidak, bermakna mereka yang kini gunakan Mercedes-Benz dan Volvo sebagai kereta rasmi masih boleh pakai manakala kereta nasional hanya untuk mereka yang bakal menjawat jawatan itu. Jika semua kena pakai Proton, tidak kira yang lama atau yang baru, semua kereta mewah yang ada sekarang kena jual ke ?

Ada pula yang bertanya bagaimana jika kereta Mercedes-Benz itu belum habis tempoh guna pakai. Apakah ia juga mesti ditukarkan dengan Proton juga?

Apa pula jika pemakainya sanggup untuk terus menggunakan Mercedes atau Volvo itu untuk dua tiga tahun lagi walaupun sudah habis tempoh guna pakai sebab dia tidak mahu dan malu pandu Proton Perdana?

Bagaimana pula jika dalam tempoh terdekat ini ekonomi kita sudah pulih semua, ringgit kembali stabil, harga di pasaran saham melonjak semula manakala projek megah diteruskan? Apakah mereka yang sudah ditukarkan dengan kereta Proton itu boleh tukar semula kepada kereta mewah. Atau apakah lebih wajar mereka terus gunakan Proton untuk pastikan pemimpin dan kakitangan kanan kerajaan kita tetap berjimat-cermat walaupun dalam keadaan ekonomi pulih! Lagipun itu juga adalah antara cara kita sendiri memartabat barangan Malaysia kerana kita sendiri yakin untuk menggunakannya.

Anak buah kita bangkitkan persoalan macam ini bukannya apa, cuma lambat-laun rakyat juga akan bercakap pasal perkara itu. Sebagai seorang pemimpin, memang sukar untuk menghindarkan diri daripada menerima teguran dan kritikan sebegitu daripada rakyat. Lagipun pemimpin selalu bercakap pasal kurangkan barang import dan gunakan barang sendiri yang lebih baik mutunya. Kereta Proton pun bukan bermutu rendah malah sudah banyak kali menang anugerah antarabangsa. Jadi untuk pastikan arahan pakai Proton ini benar-benar berkesan kita jangkakan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak lama lagi akan keluarkan pekeliling khas menjelaskan mengenainya. Kita berpendapat ini perlu kerana kita tidak mahu ada pihak kemudian terutama pembangkang membuat pelbagai cerita dan menuduh semua itu gimik belaka.

Seperkara lagi pemimpin negara asing apabila datang melawat Malaysia, kebiasaannya atur cara sangat padat termasuk melawat kilang Proton. Mereka akan beri komen kereta Proton setanding mutunya dengan pengeluar antarabangsa, dan mempunyai potensi pasaran yang memberangsangkan. Selain

melihat operasi pengeluaran, mereka sendiri memandu beberapa minit. Malangnya, kehadiran mereka di kilang itu dibawa dengan pelbagai kereta mewah buatan luar negara. Malah menteri pengiring pun gunakan Mercedes.

Sesuai dengan kempen jimat-cermat ini, rasanya wajar mulai sekarang hanya Proton Perdana atau limosin dikhaskan untuk kegunaan semua menteri pengiring dan ketua negara asing yang datang ke Malaysia.

Selepas dua tiga hari menggunakan Proton Perdana, barulah seseorang pemimpin itu dapat beri komen yang lebih tepat mengenai kereta nasional kita!

Walaupun langkah jimat-cermat ini bukan sesuatu yang baru bagi kakitangan kerajaan kerana arahan yang sama juga dibuat pada awal 1980-an ketika ekonomi meleset, kita harap semua yang terbabit akan menerima apa jua arahan dengan hati yang terbuka.

Semua yang terbabit diharap bukan sahaja berjimat-cermat berdasarkan arahan Kabinet saja tetapi membuat pertimbangan sendiri sebaik mungkin terhadap sebarang tindakan lain yang boleh mengurangkan kos berbelanja bergantung kepada pangkat dan kedudukan mereka. Semua yang dibuat mesti disenaraikan dan dikaji secara terperinci kosnya terlebih dulu. Kalau dulu setiap majlis akan diakhiri dengan pemberian cenderamata, jamuan makan, sekarang pilih-pilihlah yang mana patut atau sebaliknya. Kalau dulu apabila seorang menteri ke luar negara, lima enam orang pegawai turut serta, sekarang ini ikut mana perlu sajalah. Kita harap sektor swasta dan rakyat keseluruhan lepas ini juga akan memberi sokongan kuat kepada usaha berjimat ini.

Amalan berjimat-cermat dan bersederhana dalam setiap apa yang dilakukan termasuk berbelanja memang dituntut agama. Bagi negara seperti Malaysia yang mahu muncul sebagai negara maju, kita mesti kurang mengimport sebaliknya banyak bergantung kepada barangan buatan sendiri.

Sayangnya, ramai kita sendiri tidak mahu memberi sokongan padu. Setiap kali mesti diingatkan. Setiap hari mahu dikempenkan. Jika tidak, usaha itu tidak berkesinambungan.

Mungkin ramai masih ingat 'Kempen Belilah Barang Malaysia' beberapa tahun lalu. Kempen anjuran Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) dengan kerjasama kerajaan itu dilancarkan secara rasmi oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 4 April 1985. Kempen ini berlanjutan sampai tahun 1986.

Macam-macam program diatur untuk jayakannya. Dari peringkat Pusat sampai ke daerah. Program ini cuba menyedar rakyat betapa perlunya kita mengutamakan barangan sendiri daripada barangan import. Pameran pun banyak diadakan termasuk yang terbesar sekali di Changkat Pavilion, Kuala Lumpur. Kereta kita pun penuh dengan pelekat kempen itu. Radio dan televisyen tak berhenti siarkan iklan menggalakkan orang beli barang tempatan termasuk dokumentari. Persatuan pengguna negeri pun adakan pelbagai pertandingan sempena kempen. Budak-budak pun hafal lagu kempen itu yang berkumandang saban hari menerusi radio. Tetapi bila ekonomi semakin rancak, duit semakin banyak, maka rakyat pun mula tak mahu beli barangan sendiri. Kali ini kita harap kempen itu dihidupkan semula dan jangan biarkan ia mati sampai bila-bila. Kita buang penyakit lama. Apa yang dibuat jangan hangat sekejap saja.

(END)